

JANGAN PUTUS ASA JIKA GAGAL DALAM PEPERIKSAAN

Oleh: Putri Syahidatul Umara binti Abdul Malek, 1171847 Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan Islam (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 28 July 2020



Boleh dikatakan kebanyakan pelajar pernah mengalami kegagalan yang menyebabkan mereka berasa kecewa dan tertekan kerana orang di sekeliling yang memandang rendah dan mengejek mereka.

Kegagalan adalah sesuatu yang menakutkan sehingga boleh menyebabkan kesedihan melanda diri, malah ada yang putus harapan untuk terus berusaha.

Kegagalan juga adalah sesuatu yang menyakitkan. Hal ini kerana kemungkinan rakan sekelas memandang rendah, mencaci dan mengejek mereka yang gagal dalam peperiksaan.

Tanpa kita sedari, gangguan emosi boleh menyebabkan pelajar berasa tertekan dan lemah semangat apabila memikirkan tentang keputusan peperiksaan yang teruk.

Mereka melihat situasi itu sebagai yang tidak adil sekali gus menjadikan pelajar-pelajar terbabit berasa kurang yakin untuk meneruskan pembelajaran.

Terimalah ketentuan itu dengan hati yang terbuka supaya kita kekal positif apabila diuji dengan kegagalan dalam peperiksaan.

Kita harus berusaha bersungguh-sungguh dengan mengguna pakai kaedah pembelajaran agar lebih berkesan, bijak dan teratur supaya kita lebih tekun dan berdisiplin.

Islam melarang umatnya menyalahkan takdir. Hal ini kerana Allah SWT adalah perancang yang terbaik untuk kita.

Sememangnya setiap orang sentiasa mengharapkan yang terbaik tetapi segala yang berlaku dalam kehidupan kita telah ditentukan Allah SWT.

Di sebalik kegagalan, tersembunyi hikmah yang mendorong kita untuk berusaha lebih gigih bagi meraih keputusan yang cemerlang pada masa hadapan.

Kita akan berusaha bersungguh-sungguh untuk keluar dari kegagalan bagi membuktikan kita juga boleh berjaya seperti orang lain.

Tekad itu mendorong kita sebagai pelajar untuk mencari kaedah pembelajaran yang terbaik untuk beroleh keputusan peperiksaan yang cemerlang.

Setiap pelajar perlu menetapkan niat yang betul dalam hati bahawa mereka menuntut ilmu kerana Allah.

Perkara ini penting supaya ilmu yang dicari dan ditimba mudah difahami serta mereka dapat mengingat segala yang diajar oleh guru.

Pelajar juga perlu melakukan ulang kaji yang kerap terutamanya subjek yang lemah dan sukar difahami.

Apabila mereka mengulang kaji setiap hari, ia akan memudahkan pelajar memahami sesuatu topik dengan lebih mendalam.

Selain itu, pelajar seharusnya meletakkan matlamat yang tinggi untuk memperoleh kejayaan dalam akademik dengan memberi tumpuan sepenuhnya terhadap pembelajaran.

Sekiranya para pelajar istiqamah dalam usaha menuntut ilmu, tidak mustahil kegagalan yang mereka alami dahulu boleh bertukar kepada keputusan peperiksaan yang cemerlang pada masa hadapan.